

02/08/2002

Ketua negara bincang isu keganasan, masa depan

SESI perbincangan membabitkan ketua negara dan kerajaan serta rakan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) sempena Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) diadakan dalam suasana terbuka dan mesra.

Sesi itu dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam.

Penasihat Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata banyak perkara dibincangkan termasuk isu keganasan, masa depan LID dan dialog perkongsian pintar.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan butiran kandungan yang dibincangkan dalam sesi itu.

"Perbincangan dijalankan secara terbuka dan positif. Bagaimanapun kita diminta tidak menerangkan butiran perbincangan kepada umum," katanya ketika ditemui selepas menghadiri sesi khas tertutup selama kira-kira tiga jam, di Pelangi Beach Resort, tempat berlangsungnya LID-Global.

Antara pemimpin yang menghadiri sesi itu ialah Timbalan Presiden Afrika Selatan Jacob Zuma; Presiden Namibia, Dr Sam Nojuma dan Presiden Sudan, Lt Gen Omar Hassan Ahmed Al-Bashir.

Ditanya sama ada sesi khas itu turut membincangkan mengenai tarikh atau tempat siri dialog yang akan diadakan selepas ini, Omar berkata, ia akan dibincangkan pada sesi pagi esok.

Mengenai rayuan supaya Dr Mahathir terus aktif dalam siri dialog perkongsian antarabangsa pada masa depan walaupun selepas persaraannya, Dr Omar berkata, perkara itu tidak berbangkit.

Sementara itu, kira-kira 450 perwakilan dijangka menghadiri dialog tidak rasmiitu, yang akan menjadi medan mengumpul maklumat untuk mengharmonikan idea bagi menggerakkan perkongsian pintar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di pulau peranginan ini petang ini adalah antara pegawai Malaysia yang turut perantara dan fasilitator sesi dialog LID-Global 2002.

Selain beliau, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie; Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Bhd Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman;

Pengerusi Technology Resources Industries Bhd Datuk Dr Munir Majid dan Pengerusi Utusan Melayu (M) Bhd Tan Sri Kamarul Ariffin turut menjadi perantara dan fasilitator dialog itu. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga akan mempengerusikan sesi mengenai isu sosial.